

**UCAPAN TAN SRI OMAR MOHD HASHIM, PENERUS JAWATANKUASA EKSEKUTIF
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
PADA MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT TAHUNAN MAJLIS KE-60 PSM
DI DEWAN TUN HAMDAN SHEIKH TAHIR, WISMA SEJARAH, KUALA LUMPUR, -13 Jun 2015-**

Assalamualaikum wbt,

Yang Berusaha Puan Pengerusi Majlis.

Y.Bhg. Tan Sri Dr. Mohd Yusoff Noor, Presiden Universiti Islam Malaysia.

Yang Dihormati Tun, Tan Sri, Dato'-Dato', Ahli Majlis.

Y.Bhg Ahli Jawatankuasa Eksekutif PSM, Jawatankuasa Kerja PSM Cawangan dan Kawasan
Ketua-Ketua Jabatan, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian.

1. Alhamdulillah, saya menadah tangan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bertemu di majlis tahunan yang bermakna kepada PSM pagi ini. Mudah-mudahan Allah SWT memberkati perjumpaan kita dan memberi petunjuk dan hidayah kepada kita untuk dapat meneruskan perjuangan dan niat mulia badan warisan keramat ini. Bagi pihak PSM saya dengan bangganya mengalu-alukan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan ke Mesyuarat Tahunan Majlis ke-60 ini.
2. Ucapan terima kasih dan perasaan terhutang budi khas ditujukan kepada Tan Sri Dr Mohd Yusof Noor, Presiden Universiti Islam Malaysia kerana sudi menyahut undangan kita dan kesanggupan menyempurnakan ucapan perasmian. Keluarga PSM berasa amat terhormat sekali dengan kedatangan Tan Sri Dr Mohd Yusof Noor, ilmuwan Islam dan intelektual Melayu yang disegani. Sebetulnya beliau ada kaitan dengan pembangunan Wisma Sejarah dan Pusrawi kerana beliau adalah orangnya yang menandatangani MOU penjualan tanah PSM pada 28 November 1994. Tan Sri mewakili Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan saya mewakili PSM.
3. Tan Sri merintis banyak pengalaman dalam kariernya yang banyak dan luas – dalam politik, ADUN, MP, Menteri, Pengerusi MARA dan FELDA. Tetapi dalam bidang pendidikan dan ilmiahlah saya kira hatinya lebih terikat sebagai guru, pensyarah, dekan dan seterusnya Timbalan Naib Canselor UKM. Sekarang sebagai Presiden Universiti Islam Malaysia beliau telah mula merancang dengan penuh dinamik pembaharuan-pembaharuan dalam hala tuju dan kurikulum universiti pasca ijazah ini. Masyarakat sedang menanti dengan penuh debaran dan doa apabila UIM menjadi sebuah institusi pengajian tinggi yang unik dan cemerlang dan dapat memberi sumbangan bagi pembangunan negara dan bangsa di dalam dan luar negara.

Tuan-tuan dan Puan –Puan sekalian

4. PSM berperanan seakan sebuah jabatan dan operasinya di gerak menerusi jawatankuasa-jawatankuasa yang berjunmlah 14 semuanya, dan tiap satu diagih secara spesifik tugas-tugasnya. Sepanjang tahun lepas Jawatankuasa Eksekutif telah bersidang sebanyak 11 kali dan 11 kali juga Jawatankuasa Penyelarasan dan Kewangan. Selain daripada mesyuarat Jawatankuasa Tetap, Wisma Sejarah juga sibuk dengan aktiviti usaha sama dengan badan-badan NGO, jabatan kerajaan atau universiti. Kerja-kerja warisan tidak boleh dijalankan

keseorangan tetapi memerlukan pakatan atau kolaborasi dengan rakan sehaluan untuk betul-betul mencapai kejayaan.

5. Salah satu kolaborasi yang besar dan berjaya yang telah dijalankan oleh PSM tahun lepas ialah penganjuran bersama UUM satu persidangan antarabangsa yang berprestij iaitu *International Association of Historians of Asia* diadakan di Alor Setar pada Ogos 2014. Biasanya pihak penganjur adalah universiti tetapi ini kali pertama sebuah NGO, seperti PSM diberi penghormatan. Persidangan dihadiri oleh 350 peserta termasuk dari seluruh dunia yang membincangkan sebanyak 221 kertas kerja. Penganjuran persidangan sebesar ini telah memberi kita pengalaman serta tatacara yang baik untuk pengurusan perjumpaan besar ilmiah di samping kontak-kontak yang tak ternilai dengan sejarawan yang penting dari luar negara.
6. Kegiatan kita yang selalu mengharumkan nama PSM ialah penerbitan *Malaysia in History* dan *Malaysia dari segi Sejarah* iaitu jurnal semi akademik dan amat popular dijadikan rujukan bagi pengkaji-pengkaji dan peminat sejarah di universiti di dalam dan luar negara. Kita juga telah menghasilkan banyak penerbitan berkala dan pada tahun ini kita berasa amat bangga sekali mengumumkan terbitan dua buah buku yang amat signifikan. Pertamanya, *Sejambak Mawar Secebis Bingkisan Kesarjanaan* – satu koleksi tulisan Profesor Emeritus Dato' Dr. Mohd Taib Osman, Ahli Majlis dan Felo PSM. Karya ini kita rasa satu sumbangan besar kepada akademia dan PSM berasa diberi penghormatan menerbitkannya. Buku kedua ialah *Kapitan Melayu*, karangan Sayyid Mohammad A.H. Sawall al-Habshi, karya semi sejarah yang menarik dan segar dan barang tentu dapat merangsang imaginasi dan daya minat anak-anak yang mengkaji sejarah Melaka pada zaman Belanda.
7. Salah satu tujuan besar PSM diwujudkan ialah untuk membangun kesedaran dan cintakan sejarah dalam kalangan orang muda. Untuk merealisasi tujuan ini PSM sejak lama telah memperkenalkan beberapa pertandingan sejarah yang melibatkan murid sekolah. Pertamanya pertandingan Menulis Sejarah paling tua dianjurkan sejak 40 tahun lalu. Pemenang tahun lepas akan menerima hadiah pada majlis ini. Pertandingan Kuiz Sejarah dan Patriotisme juga sudah lama dipertandingkan untuk merebut Piala Aminuddin Baki. Yang ketiga Pertandingan Galeri Sejarah yang baru dua tahun diperkenal. Semua pertandingan ini untuk beberapa lama telah mendapat tajaan kerajaan tetapi akhir-akhir ini dokongan ini tidak ada lagi. Ini amat malang sekali kerana sambutan daripada sekolah, guru dan PIBG, lebih-lebih lagi untuk Galeri Sejarah, amat meluas sekali. Memandang ia begitu popular dan bermanfaat kepada pelajaran sejarah di sekolah, PSM terpaksa membuat pilihan untuk sementara waktu menanggung bebanan sendirian walaupun dengan pengorbanan kos yang amat berat.
8. Tahun lepas PSM menganugerahkan Felo kepada 3 orang tokoh sejarah yang telah menyumbang kebaktian yang cemerlang kepada pembangunan sejarah dan PSM. Mereka itu ialah Dato' Hj Abdul Rashid Ngah (pengarang veteran dan aktivis sejarah), Prof Dato' Dr. Othman Mohd Yatim (arkeologis), dan Haji Mohd Nor Long (pengarang dan aktivis sejarah)
9. Sejak 1990 PSM telah membuat lawatan sejarah ke tempat penting yang mempunyai kaitan dengan sejarah tanah air. Hampir 25 buah negara telah kita lawati dengan penuh manfaat. Sebetulnya kita baru balik 2 minggu dahulu dari Vietnam dalam usaha menjejaki bekas-bekas empayar besar Melayu iaitu Champa. Tahun lalu kita membuat lawatan ke Kalimantan Barat

10. Ada banyak lagi jawatankuasa PSM yang bergerak dalam bidang masing-masing dan ini boleh ditatapi dalam Laporan Tahunan 2014/2015 yang telah diedarkan. Sayugia diingat apa yang saya sebut di atas tadi adalah sebahagian daripada apa yang terjadi di PSM ibu pejabat semata. Tetapi kegiatan dan program sejarah yang rencam juga berlaku di negeri-negeri atau peringkat Cawangan dan Kawasan PSM. Mereka sebetulnya *implementers* program di peringkat akar-umbi dan menyemarakkan misi PSM untuk membawa sejarah kepada rakyat biasa sesuai dengan peranan kita sebagai badan sejarah awam.
11. Akhir sekali saya mengambil kesempatan di sini mengucapkan rasa terhutang budi atas sokongan dan kerjasama yang diterima dari semua pihak dari Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Pendidikan termasuk Jabatan Pendidikan Negeri, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, terutama sekali dari badan-badan kerabat PSM seperti Arkib Negara Malaysia, Perpustakaan Negara Malaysia, Jabatan Muzium Negara serta universiti tempatan yang terus menerus membantu menjayakan projek dan program PSM.
12. Saya tidak lupa pengabdian dan pengorbanan rakan-rakan saya Ahli Majlis, dan Ahli Jawatankuasa Eksekutif yang tidak jemu membanting tulang sejak zaman muda lagi hanya sanya untuk membangun PSM. Saya juga suka mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada tetamu utama kita Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Mohd Yusoff Noor yang memberi penghormatan kepada PSM untuk menyempurnakan perasmian Mesyuarat Tahunan Majlis Ke-60. Moga-moga Allah SWT memberkati kerja-kerja kita yang mulia ini, memberi hidayah dan kebijaksanaan kepada semua kita yang bergiat di peringkat Ahli Majlis, Jawatankuasa Eksekutif, Cawangan atau Kawasan dalam perjuangan yang tidak bernoktah, mengembangkan kepentingan sejarah dan menyelamatkan warisan bangsa kita

Sekian Wasalamualaikum WBT.